

11 MAY 2002

DR MAHATHIR BERLEPAS KE AMERIKA

SEPANG, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Washington malam ini untuk lawatan rasmi atas jemputan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush.

Dr Mahathir berlepas dari lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini dengan pesawat komersil Penerbangan Malaysia (MAS) pada pukul 11.55 malam menuju ke London, sebelum meneruskan perjalanannya ke Washington dari bandaraya itu.

Yang turut mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa Menteri Kabinet.

Dalam lawatan yang akan berakhir pada Rabu, Dr Mahathir dijangka berbincang dengan Bush mengenai usaha Malaysia dalam membanteras keganasan dan isu penderitaan rakyat Palestin.

Selain bertemu Presiden Bush, Dr Mahathir dijangka mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Negara Colin Powell, Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld dan pemimpin-pemimpin di Capitol Hill.

Anggota delegasi yang turut serta dalam rombongan Perdana Menteri termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

-- BERNAMA

MUN HS PR